

10/09/2002

Caj pesakit kronik wajar dikurangkan

Warga Sihat

HOSPITAL swasta sepatutnya lebih telus dan bertimbang rasa apabila mengenakan kos rawatan terhadap pesakit.

Mereka tidak hanya mementingkan keuntungan atau keegoan demi menjaga status pusat perubatan semata-mata.

Pesakit mempunyai hak untuk mengetahui secara terperinci berhubung pecahan bayaran bagi setiap perkhidmatan yang diterima.

Dengan cara itu mereka akan tahu apakah faktor yang menyebabkan kos mahal, berapakah caj khidmat doktor pakar, ubat, penginapan atau perkhidmatan tambahan lain yang diberikan.

Kerajaan perlu memikirkan langkah tegas bagi mengatasi masalah ini kerana kita tidak mahu pihak hospital mengambil kesempatan terhadap pesakit yang benar-benar memerlukan rawatan.

Kita percaya hospital swasta terutama yang disenaraikan pada bursa saham perlu menjaga kepentingan pemegang saham mereka.

Oleh itu, mahu tidak mahu, mereka perlu berusaha bagi memastikan hospital masing-masing menguntungkan.

Kita juga tahu bahawa sumber kewangan utama hospital swasta adalah pesakit yang mendapat perkhidmatan dan rawatan dengan mereka.

Bagaimanapun, ia tidak bermakna hospital swasta boleh mengenakan caj sesuka hati.

Oleh itu, saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya hospital swasta mengurangkan caj, terutama untuk pesakit kronik wajar diberi perhatian serius.

WARGA SIHAT,
Kuala Lumpur.